

14/03/2004

Di situ tempat puteri kayangan mandi-manda

Wan Jailani Razak; Hamzah Osman

SUASANA damai, udara segar dan nyaman pasti diidamkan mereka yang ingin mencari ketenangan selepas bosan dengan urusan kerja dan gangguan bunyi bising dan hiruk-pikuk di bandar.

Oleh itu, Air Terjun Telaga Tujuh (ATTT) di Hutan Simpan Gunung Machinchang, Langkawi adalah destinasi paling sesuai kerana ia memiliki keindahan flora dan fauna serta spesies hutan yang jarang dilihat sebelum ini.

Letaknya di kaki Gunung Machinchang di timur laut Pulau Langkawi kira-kira 23 kilometer dari Pekan Kuah, kawasan rekreasi berkonsepkan riadah keluarga itu kini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Ketujuh-tujuh telaga yang menjadi tarikan pengunjung berada bersebelahan antara satu sama lain seolah-olah disusun rapi secara berperingkat manakala perigi tertinggi berada kira-kira 250 meter dari aras laut.

Lebih 600 anak tangga perlu didaki sebelum sampai ke kawasan telaga pertama yang menjadi tumpuan utama untuk berkelah, mandi-manda, beristirahat serta melihat panoroma kawasan gunung yang menarik.

Bagi mereka yang gemar merentasi denai hutan, jangan lepaskan peluang berbuat demikian kerana pengunjung akan terpesona dengan keindahan alam semula jadinya.

Bagaimanapun, pendakian di kawasan sebegini pasti akan mencabar ketahanan fizikal dan mental pengunjung, lebih-lebih lagi kepada warga emas, kanak-kanak serta orang kurang upaya.

Terbaru, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan membina pondok dan kerusi rehat, tandas awam, gerai jualan serta mengekalkan pohon tinggi untuk pengunjung berteduh.

Pengunjung yang pertama kali tiba di situ juga pasti terpegun melihat panorama limpahan air terjun bertingkat-tingkat menerjah batu-batan semula jadi sebelum mengalir ke kolam buatan dan ke kaki gunung.

Sementara di pintu masuk ke kawasan itu terdapat deretan gerai menjual juadah pelapik perut seperti air minuman, rojak, burger dan kuih-muih oleh penjaja yang menggunakan van serta kereta.

Paling menarik, kawasan itu turut dikaitkan dengan cerita dongeng yang dikatakan menjadi tempat pahlawan zaman silam dan puteri-puteri dari kayangan bermandi-manda.

Tumbuhan utama di kawasan ini ialah jenis Dipterokarpa Pamah iaitu rengas, merpauh periang, melunak, meranti temak, meranti jerit, rotan dan palma, selain tumbuhan herba termasuk tongkat ali dan kacip fatimah.

Bagaimanapun, pengunjung dinasihatkan selalu berhati-hati apabila menghampiri atau berada di telaga-telaga berkenaan kerana batu-batan di sekitarnya licin dan amat berbahaya terutama musim hujan.

Di puncak Gunung Machinchang pada ketinggian 708 meter, setiba di stesen puncak kereta kabel selepas menaikinya dari Oriental Village, Teluk Burau, pengunjung boleh menghilangkan rasa gementar dengan singgah di Mountain Cafe untuk menikmati hidangan ala-Barat yang menjadi kegemaran ramai.

Sambil duduk di meja menikmati panorama sekeliling dan kehijauan hutan banjaran Machinchang, pengunjung boleh melihat Tarutao, selatan Thailand, kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village atau dua pulau buatan manusia di Pantai Kok.

Pengusaha kafe berkenaan, Ghani Abu Bakar, 34, berkata antara menu utama yang disediakan ialah `Burger Machinchang', `Tuna Sandwich', `Cheese Sandwich, kek coklat, minuman Cappuchino, kopi pekat Ekspreso dan

aiskrim.

"Ada kalangan mereka turut menyuarakan rasa lega selepas berjaya tiba di puncak Gunung Machinchang dan mahu menikmati keindahan alam sekeliling sepuas-puasnya sambil makan dan minum.

"Saya gembira dengan sambutan pengunjung dan ini menyuntik semangat saya untuk meningkatkan mutu makanan dan memberikan layanan terbaik buat mereka," katanya yang mula berniaga di situ sejak April tahun lalu walaupun sudah menetap di Langkawi, tiga tahun lalu.

Perniagaan beliau dibantu lima pekerja dan isterinya, Rozita Yusof pada hari cuti umum serta hujung minggu. Barangan cepat rosak diangkut setiap hari dengan menggunakan gondola pengangkut manakala barangan lain diangkut berdasarkan keperluan.

Harga yang dikenakan juga berpatutan. Berdasarkan menu, 'Burger Machinchang' misalnya, dijual pada harga RM3 sebiji manakala 'Ekspresso', RM2.50 secawan.

Apa yang menarik perhatian pengunjung ke kafe berkenaan ialah kemas pada cermin kaunternya yang diperbuat daripada pasir halus pantai yang membentuk bukit-bukau sehingga ramai tertanya cara membuatnya.

Katanya, hiasan kafe itu dikendalikan oleh sebuah syarikat pereka bentuk dari Kuala Lumpur.

"Saya akan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan dan makanan kerana tempat ini turut menjadi tumpuan orang kenamaan, selain pelancong tempatan dan luar negara.

"Saya amat berbesar hati apabila ramai orang kenamaan, termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad singgah di Mountain Cafe untuk menikmati sebiji burger," katanya.